

31/03/2003

UAE anjur seminar sumbangan PM kepada dunia Arab, Islam

Osman Lisut

ABU DHABI: Pusat Koordinasi dan Susulan Zayed (ZCCF) akan menganjurkan seminar sehari bertajuk 'Sumbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada dunia Arab dan Islam', di sini Mei depan.

Duta Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu (UAE), Datuk Syed Hussein Al-Habshee, berkata seminar yang dianjurkan bersama oleh kedutaan Malaysia itu akan menyelami pelbagai aspek pemerintahan Dr Mahathir yang berjaya membangunkan Malaysia sehingga menjadi sebuah negara industri berteknologi tinggi.

"Seminar itu bertujuan memaklumkan kepada dunia Arab bagaimana Dr Mahathir membangunkan Malaysia dan cara kepimpinan beliau sepanjang lebih 20 tahun sebagai Perdana Menteri," katanya ketika ditemui di Kedutaan Malaysia di sini, semalam.

ZCCF beroperasi di bawah pertubuhan Liga Arab dan dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri UAE, Sheikh Sultan Bin Zayed Al Nahyan yang juga Putera Mahkota UAE.

Beliau berkata, dunia Arab perlu didedahkan mengenai corak kepimpinan beliau memandangkan tiadanya maklumat Dr Mahathir yang dituliskan dalam bahasa Arab untuk dijadikan rujukan.

"Perdana Menteri amat dikenali dan dikagumi di dunia Arab. Ini memudahkan urusan rakyat Malaysia di negara-negara Arab terutamanya di dalam perdagangan dan ekonomi.

"Nama Dr Mahathir dijadikan pasport oleh rakyat Malaysia ketika mereka berada di negara-negara Arab bagi urusan perdagangan," katanya.

Syed Hussein berkata, seminar berkenaan akan berlangsung pada 15 Mei depan dan dihadiri 100 peserta terdiri daripada para diplomat, pegawai tinggi kerajaan dan ahli perniagaan serta media negara-negara Arab.

Beliau berkata, pada seminar itu nanti bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid yang juga Presiden Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Timbalan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Datuk Dr Syed Ahmad Hussein akan menjadi pembentang kertas kerja.

"Selain mereka berdua yang mewakili Malaysia, dua orang tokoh akademik UAE turut akan membentangkan kertas kerja mereka di dalam seminar itu.

"Hasil rumusan daripada seminar sehari mengenai Dr Mahathir itu akan dibukukan oleh ZCCF dalam bahasa Arab serta Inggeris bagi membolehkan ia diedarkan ke seluruh dunia Arab," katanya.

Sementara, Editor agensi berita kebangsaan UAE (WAM), Dr Jamal Al Majaida, berkata pada seminar itu akan turut mengetengahkan betapa pentingnya hubungan baik di antara Malaysia dan UAE.

"Seminar itu nanti akan memberi tumpuan kepada kepimpinan Dr Mahathir yang berjaya memaju, membangunkan dan memodenkan Malaysia.

"Perdana Menteri amat dikenali dan dihormati di kalangan pemimpin serta rakyat di negara Arab terutamanya pendirian beliau terhadap Amerika Syarikat yang lantang mempertikaikan menyerang Iraq," katanya.

Dr Jamal berkata, Dr Mahathir adalah seorang ahli politik yang penting bagi negara dunia ketiga dan beliau adalah satu-satu pemimpin Asia yang tidak menyokong Amerika Syarikat.